

Impian kembar ke UMP tercapai

Harian Metro (lokal) 10/8/2020 (Isnin) n/s 20

Kuantan: Pasangan kembar lelaki seiras antara 822 penuntut Program Diploma Sesi Akademik 2020/2021 Universiti Malaysia PAHANG (UMP) yang mendaftar masuk pusat pengajian tinggi berkenaan, kelmarin.

Kembar berkenaan, Muhammad Nur Mirza Mat Hassan dan Muhammad Nur Izzat, 18, berkata, impian mereka melanjutkan pengajian ke menara gading menjadi kenyataan apabila terpilih melangkah ke UMP.

"Saya bersyukur kami sama-sama belajar di UMP dalam bidang teknologi kejuruteraan kimia dan proses. Peluang yang terhidang ini digunakan sebaik mungkin untuk berjaya."

"Harapan keluarga akan ditunaikan demi memastikan masa depan kami cermerlang," katanya.

Muhammad Nur Mirza berkata, selepas mencatat keputusan 5A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu, im-



MUHAMMAD Nur Mirza dan Muhammad Nur Izzat (kanan) menunjukkan surat tawaran melanjutkan ke UMP kepada ibu mereka, Sharimah Ali Man pada hari pendaftaran di UMP, Gambang.

pian utama ialah untuk belajar di UMP yang terkenal dengan pencapaian penuntutnya sebelum ini.

Katanya, UMP terletak tidak jauh dari rumah antara menjadi faktor memilih universiti berkenaan sebagai tempat menimba ilmu.

Pendaftaran secara pando lalu yang pertama kali diperkenalkan itu bermula jam 9 pagi dan selesai lapan jam kemudian dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni UMP, Prof Datuk Dr Yusserie Zainuddin berkata, sesi pendaftaran dalam norma baru dilakukan dengan hampir semua proses dilakukan dalam kenderaan bagi memastikan tidak berlaku kesesakan dalam satu masa.